

**MAJLIS PERUTUSAN TAHUN BAHARU KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
2013**

10/01/2013

DEWAN PLENARI, PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran I;

Yang Berhormat Dr. Mohd Puad bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran II;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli bin Mohamed  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan  
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran;

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia;

Dato'-Dato', Datin-Datin, Guru-guru, anggota kakitangan dan staf Kementerian Pelajaran Malaysia, murid-murid, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam Majlis Perutusan Tahun Baharu 2013 pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada warga pendidik, para ibu-bapa dan murid di seluruh negara.

2. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru dan seluruh warga Kementerian Pelajaran yang telah melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dengan cemerlang sepanjang tahun 2012. Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan saudara dan saudari mencapai setiap sasaran yang ditetapkan pada tahun lalu.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

Kejayaan NKRA

3. Tahun 2012 telah meninggalkan kita. Namun begitu, usaha-usaha yang telah dirancang dan dilaksana akan tetap diteruskan. Ini kerana pendidikan adalah jihad kita yang berterusan. Pelbagai kejayaan telah kita catat pada 2012 khususnya dalam NKRA pendidikan. Pencapaian

terbesar NKRA ialah memastikan semua kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan awal yang sewajarnya. Ini dibuktikan dengan kejayaan kita mempertingkatkan enrolmen prasekolah kepada 80.5 peratus daripada 77.4 peratus kanak-kanak berusia 4 tahun ke atas yang telah mendapat pendidikan awal.

4. Di peringkat sekolah rendah pula, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang kita jalankan memberi impak bermakna dalam meningkatkan kadar literasi murid di sekolah rendah. Buktinya kanak-kanak Tahun 3, Kohort 1 2012, telah mencapai kadar literasi 99.8 peratus dan kadar numerasi 99.9 peratus. Kanak-kanak Tahun 2 Kohort 2 telah mencatatkan kadar literasi 96.3 peratus dan kadar numerasi 97.8 peratus. Kejayaan LINUS bahasa Malaysia telah mencetus inspirasi untuk kita memperluaskan LINUS merangkumi literasi bahasa Inggeris.

5. Kita juga sedar sekolah berkualiti adalah kunci utama bagi meningkatkan tahap pendidikan di negara ini. Oleh itu, inisiatif NKRA telah dilaksanakan bagi menganugerahkan status Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) kepada 91 buah sekolah. Menerusi program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP), peratusan sekolah-sekolah yang berada dalam Band rendah iaitu Band 6 dan Band 7 berjaya diturunkan sebanyak 43.6 peratus. Pada masa yang sama, berlaku peningkatan sebanyak 28.6 peratus jumlah sekolah ke dalam Band 1 dan Band 2.

6. Kita tidak melupakan jasa pentadbir sekolah yang telah gigih berusaha untuk meningkatkan pencapaian anak-anak kita. Oleh itu, kita telah memberi ganjaran kepada sekolah menerusi bayaran insentif tawaran baharu. Pada tahun 2012, sebanyak 403 guru besar dan 124 pengetua telah dianugerahkan tawaran tersebut atas kejayaan meningkatkan pencapaian sekolah merangkumi segenap aspek. Selain itu, seramai 15,036 guru dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) sekolah rendah telah mendapat insentif dengan perbelanjaan sebanyak 16.4 juta ringgit. Manakala bagi sekolah menengah pula, seramai 10,551 guru dan AKS telah mendapat insentif melibatkan sebanyak perbelanjaan 9.9 juta ringgit. Saya ucapkan tahniah kepada warga sekolah yang telah berjaya mempertingkatkan prestasi sekolah.

7. Seajar dengan usaha Kementerian untuk menambah baik kerjaya guru, sepanjang tahun lepas, sejumlah 23,353 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma dan 56,422 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah telah dinaikkan pangkat mengikut laluan Time-Based Berasaskan Kecemerlangan. Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap para guru dalam membangunkan modal insan negara.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

#### PERBELANJAAN PENDIDIKAN

8. Sepertimana yang kita sedia maklum, pendidikan bertujuan menjana modal insan masa depan negara. Oleh itu, kita sedaya upaya menyediakan peluang pendidikan yang berkualiti kepada anak bangsa kita tanpa mengira kaum dan agama, samada di bandar, di luar bandar mahupun di pedalaman dengan pelaburan yang amat besar.

9. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah mengumumkan peruntukan sebanyak 38.7 bilion ringgit bagi

perbelanjaan mengurus dan pembangunan dalam Bajet 2013. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak 500 juta ringgit bagi melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025.

10. Daripada jumlah satu bilion ringgit lagi dalam peruntukan tambahan bagi pembangunan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, sejumlah 400 juta ringgit diperuntukkan kepada Sekolah Kebangsaan, dan masing-masing 100 juta ringgit kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains MARA.

Saudara dan saudarai yang saya hormati sekalian,

#### Kejayaan Murid di Peringkat Antarabangsa 2012

11. Saya amat teruja anak-anak didik kita telah berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Pasukan murid Malaysia telah muncul sebagai juara keseluruhan World Robotic Olympiad 2012 dengan memenangi 11 anugerah cemerlang dan dua anugerah khas. Pertandingan yang diadakan di Kuala Lumpur ini telah disertai oleh 404 pasukan dari 30 buah negara melibatkan 1,212 murid dari seluruh pelusuk dunia. Lebih membanggakan, dalam tempoh empat tahun, Malaysia telah tiga kali muncul sebagai juara WRO iaitu dalam tahun 2009, 2010 dan 2012.

12. Murid kita juga telah meraih kejayaan dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa. Dalam Kejohanan Badminton Sekolah-sekolah Asia di Hong Kong, pasukan murid negara kita telah menjadi johan dengan meraih tiga pingat emas, empat pingat perak dan tiga pingat gangsa. Manakala dalam Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-4 di Surabaya, Indonesia, pencapaian murid kita amat membanggakan dengan merangkul 29 pingat emas, 36 perak dan 35 gangsa. Malaysia juga telah menjadi naib johan dalam kejohanan bola sepak bawah 15 tahun Sekolah Asia ke-6 di Thailand.

13. Seterusnya, murid kita juga telah mengharumkan nama negara dalam pertandingan F1 In Schools peringkat dunia. Dalam pertandingan yang telah diadakan di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu pada 27 Oktober hingga 2 November 2012, Malaysia telah berjaya memenangi Sponsorship and Marketing Award, Most Liked Award dan anugerah Best Research and Development. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada murid-murid kita yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Harapan kita agar lebih ramai anak didik kita akan meraih kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun ini dan pada masa akan datang.

#### Kejayaan Menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pasukan petugas Penilaian Semula Pendidikan Negara dan semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Saya mengagap keupayaan kita melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia sebagai satu kejayaan besar yang dicapai oleh Kementerian pada tahun lalu. Laporan ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada segenap lapisan masyarakat, menggambarkan harapan tinggi mereka

terhadap transformasi pendidikan yang akan dilaksanakan. InsyaAllah, laporan akhir akan dibentangkan kepada Kabinet pada akhir bulan ini, dan dilancarkan setelah disembah maklum kepada Majlis Raja-Raja.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

## CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KEMENTERIAN

### Pentaksiran Berasaskan Sekolah

15. Pendidikan sentiasa bersifat dinamik. Kita harus menerima hakikat bahawa sistem yang diguna pakai hari ini mungkin tidak sesuai untuk hari esok. Begitu juga cara kita menilai murid. Pembangunan potensi murid secara holistik memerlukan pentaksiran murid yang juga holistik. Oleh itu, bagi melaksanakan pentaksiran secara holistik, Kementerian melaksanakan kedua-dua bentuk penilaian iaitu peperiksaan awam dan juga Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Melalui pelaksanaan PBS, pendekatan paling tepat dapat digunakan untuk memantau dan menilai sama ada enam ciri aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional benar-benar dapat dibangunkan dalam diri murid melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

16. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan PBS. Kita sering mendengar rungutan guru berkaitan dengan proses kemasukan data pencapaian murid disebabkan sistem baru yang kurang stabil. Oleh itu, Kementerian telah mengambil langkah untuk memastikan keadaan ini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.

17. Dari segi akses kepada Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS), Kementerian memastikan proses kemasukan skor pentaksiran murid berjalan lancar dengan menyediakan hosting baru, tambahan server daripada 4 kepada 20 unit dan tambahan gateway. Selain daripada penambahbaikan kepada sistem, bagi memahami permasalahan sebenar pada peringkat sekolah, iaitu dalam kalangan guru dan juga murid, saya telah mengarahkan sesi pelibatan dengan pihak berkepentingan, termasuk ibu bapa diadakan secepat mungkin. Selain itu, usaha juga dilakukan dengan mewujudkan helpdesk untuk membantu guru dalam menangani masalah sistem dan juga helpdesk untuk orang awam.

### Beban Tugas Guru

18. Dalam usaha kita meningkatkan kualiti pendidikan, bakti guru sentiasa kita hargai. Kementerian memahami dalam menentukan kejayaan murid, guru perlu menumpukan sepenuh perhatian terhadap proses pembelajaran dan pengajaran. Oleh itu, Kementerian sentiasa mengambil langkah untuk mengurangkan beban tugas guru yang tidak berkaitan dengan tugas utama yang perlu dilaksanakan. Dari segi pengurusan sekolah misalnya, satu Sistem Pengurusan Sekolah disediakan untuk mengatasi masalah kepelbagaian sistem yang menyebabkan penambahan beban tugas guru. Sistem ini akan dilaksanakan bermula tahun ini seperti dijanjikan.

19. Bagi meringankan beban tugas guru lagi, Kementerian sedang merintis Program Pemantapan Profesion Guru dengan menempatkan seorang Kakitangan Pelaksana Gred N17 di semua 313

sekolah di negeri Melaka. Kakitangan Pelaksana Gred N17 ini secara khusus mengambil alih pengurusan data, media dan pusat sumber. Seterusnya kajian semula norma perjawatan, unjuran, dasar penempatan dan pertukaran guru serta kumpulan pelaksana KPM akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Melalui kajian ini, satu Model Baru Perancangan dan Pengurusan Sumber Manusia Pendidikan dapat dihasilkan bagi menyelesaikan isu penentuan norma perjawatan mengikut keperluan semasa, unjuran dibuat mengikut opsyen, dan dasar penempatan serta pertukaran yang lebih cekap.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

### PELAKSANAAN PPPM BAGI TAHUN 2013

20. Kejayaan yang dicapai pada tahun lalu memberi kekuatan dan keyakinan kepada Kementerian untuk terus meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan melalui PPPM. Kementerian telah memulakan langkah tahun baharu ini dengan melaksanakan PPPM melalui 1Agenda KPM iaitu satu program yang menggabungkan inisiatif-inisiatif PPPM, NKRA, NKEA dan inisiatif sedia ada. Melalui 1Agenda KPM ini, kita bukan sahaja dapat menetapkan 100 inisiatif awal yang hendak dilaksanakan dalam Gelombang Pertama, tetapi apa yang penting setiap warga KPM dapat memikirkan dan memahami bagaimana inisiatif tersebut boleh dicapai dengan peruntukan yang diurus secara cekap dan telus. Di samping itu, diharapkan juga 1Agenda KPM ini akan memantapkan kerjasama antara Bahagian dan mengelakkan budaya kerja secara silo. Kerjasama antara Bahagian amat penting kerana kejayaan dalam sistem pendidikan hanya dapat dicapai apabila prestasi semua Bahagian, Jabatan, dan sekolah meningkat secara serentak.

#### Pelaksanaan Inisiatif Dalam Tempoh 100 Hari Pertama

21. Awal tahun 2013 merupakan tempoh yang kritikal dalam usaha Kementerian untuk melaksanakan PPPM. Inisiatif-inisiatif PPPM yang telah ditetapkan pada tahun ini perlu dicapai sepenuhnya agar hasrat untuk mencapai lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid dapat dicapai menjelang 2025 nanti. Justeru, dalam tempoh 100 hari pertama tahun ini, Kementerian akan melaksanakan empat inisiatif iaitu:

Pertama, memperkenalkan SIPartner plus and SISC plus di Kedah dan Sabah. Usaha membimbing guru bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik, terutama di sekolah-sekolah yang berada dalam Band 5, 6 dan 7 akan mula dilaksanakan di negeri Kedah dan Sabah. Saya berpandangan bahawa SIPartner plus dan SISC plus memberi faedah kepada pengetua, guru besar dan guru-guru. Melalui SISC plus misalnya, guru berpeluang mendapat latihan in situ secara langsung mengikut keperluan mereka. Mereka juga akan menerima latihan berkaitan dengan kurikulum, pentaksiran berasaskan sekolah dan yang lebih penting ialah pengajaran bagi meningkatkan kemahiran guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid.

Kedua, menilai 70,000 guru opsyen Bahasa Inggeris melalui Cambridge Placement Test (CPT). Guru kemudiannya akan dibahagi mengikut tiga kategori berdasarkan keputusan ujian mereka. Bagi guru-guru yang tidak mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan, latihan tambahan separuh masa akan diberikan. Dalam tempoh 100 hari ini, Kementerian bersedia untuk melatih 5,000

guru Bahasa Inggeris.

Ketiga, melancarkan Sarana Ibu Bapa ke 10,000 sekolah untuk meningkatkan kesedaran, sokongan dan kerjasama dalam kalangan ibu bapa; dan

Keempat, melancarkan Video e-Guru untuk ditonton di semua sekolah. Pada bulan ini juga Kementerian akan memperkenalkan program pembangunan profesionalisme baharu dengan mewujudkan perpustakaan video e-Guru yang menyediakan koleksi contoh pengajaran terbaik. Melalui video e-Guru, setiap guru akan mendapatkan gambaran bersifat amali tentang amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru cemerlang di bilik darjah. Video e-Guru akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjayakan dasar Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Saya berharap agar guru-guru dapat memanfaatkan perpustakaan video e-Guru ini untuk meningkatkan kemahiran mengajar.

22. Di samping empat inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada 100 hari pertama 2013, Kementerian tidak mengenyahkan inisiatif PPPM yang seharusnya dicapai dalam Gelombang Pertama bagi tahun 2013, khususnya usaha untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (High Order Thinking Skills atau HOTS) dalam kalangan murid.

23. Baru-baru ini, kita telah dikejutkan dengan keputusan TIMSS 2011 yang kurang memberangsangkan. Malaysia berada di tangga ke-26 daripada 45 negara peserta bagi Matematik berbanding dengan tempat ke-20 pada tahun 2007. Manakala bagi Sains pula, Malaysia berada di tangga ke-32 berbanding dengan di kedudukan ke-21 pada tahun 2007. Kita harus menerima keputusan ini dengan fikiran yang terbuka serta perlu memastikan inisiatif ke arah meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid dilaksanakan dengan berkesan.

24. Dua daripada 25 inisiatif utama 2013 berkaitan dengan kemahiran berfikir aras tinggi meliputi pelaksanaannya dalam kurikulum, pentaksiran dan latihan guru. Oleh itu, usaha untuk menyerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran guru akan diberi penekanan dan dipertingkatkan.

25. Sehubungan itu, KPM akan melaksanakan latihan HOTS kepada 31,000 orang guru Sains dan Matematik Tingkatan 1, 2 dan 3. Dalam bidang pentaksiran misalnya, soalan peperiksaan dengan peratusan yang lebih besar ditumpukan kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Kementerian berharap menjelang penghujung Gelombang Pertama, 20% soalan-soalan peperiksaan UPSR dan PMR adalah soalan pemikiran aras tinggi pada tahun 2013.

26. Selain itu, pembudayaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran turut dilaksanakan melalui program i-Think. Murid akan lebih fokus dalam pembelajaran, kemahiran penaakulan meningkat dan berupaya menjawab soalan aras tinggi. Seramai 2,500 guru daripada 500 buah sekolah akan diberi latihan program i-Think bagi peluasan pelaksanaan program ini ke 1,000 buah sekolah yang telah bermula dari 2012.

27. Memandangkan peningkatan pencapaian murid berkait rapat dengan kepimpinan sekolah dan kualiti guru, inisiatif PPPM bagi tahun 2013 turut memberi tumpuan terhadap aspek ini. Antara

inisiatif penting berkaitan guru yang akan dilaksanakan ialah peluasan LINUS 2.0 merangkumi literasi Bahasa Inggeris, piagam dan pakej kerjaya guru serta pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Profesional Berterusan baharu.

28. Di samping itu, Kementerian akan terus berusaha untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Infrastruktur sekolah akan ditingkatkan dengan memberi tumpuan kepada murid bekeperluan khas. Selain itu, Pelaksanaan 1BestariNet mulai Januari 2012 juga akan menyediakan kemudahan capaian jalur lebar berkelajuan tinggi melalui teknologi internet 4G untuk semua sekolah di seluruh negara. Dua Komponen utama dalam 1BestariNet, iaitu capaian jalur lebar dan pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) berupaya memantapkan transformasi pendidikan Malaysia dengan meningkatkan akses kepada ICT dalam pendidikan. Untuk itu, seramai 15,882 orang guru dari 7,941 buah sekolah akan dilatih dalam program Persekitaran Pembelajaran Maya (Virtual Learning Environment). Melalui program tersebut, satu transformasi proses pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada fungsi teknologi ICT dilaksanakan.

Keberhasilan 2013

29. Bagi menampakkan kejayaan inisiatif PPPM, Kementerian telah menetapkan lapan keberhasilan untuk dicapai pada penghujung 2013, iaitu:

Pertama, 50% pengurangan sekolah Band 6 and 7 di Kedah dan Sabah;

Kedua, 100% guru opsyen Bahasa Inggeris lulus satu tahap penguasaan lebih tinggi dalam Cambridge Placement Test;

Ketiga, 88% enrolmen prasekolah, iaitu meningkat daripada 77% pada 2011;

Keempat, 10 sekolah International Baccalaureate (IB) baharu dan 18 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) diwujudkan;

Kelima, 100% literasi Bahasa Malaysia dan numerasi bagi Tahun 3, di samping peningkatan ketara dalam literasi Bahasa Inggeris;

Keenam, 100% sekolah bandar dilengkapi dengan 4G;

Ketujuh, 410,000 guru dinilai melalui “instrumen bersepadu”; dan

Kelapan, 1,608 sekolah yang memerlukan pembaikan kritikal dibaiki.

30. Bagi memantapkan pelaksanaan semua inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Education Performance and Delivery Unit atau PADU akan diwujudkan dengan restu YAB Perdana Menteri. PADU adalah satu unit di bawah Kementerian yang berperanan membantu menyelesaikan situasi bermasalah di peringkat bawah dan mengambil tindakan pembedahan untuk mengatasi masalah yang boleh menjejaskan prestasi. Di samping itu, PADU juga merupakan sebuah entiti yang menyuntik sumber kewangan untuk melaksanakan inisiatif

PPPM, serta satu badan yang menyediakan sokongan untuk pelibatan rakan kongsi dalaman. Berdasarkan beban tugas dan tanggungjawab besar ini, anggota PADU akan dianggotai oleh mereka yang berbakat dan berprestasi tinggi. Kementerian akan mengenalpasti pegawai sedia ada dan pegawai dari luar Kementerian untuk menganggotai PADU.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

## HASRAT

31. Saya berharap agar kita dapat memastikan agenda bersama untuk melonjakkan pencapaian pendidikan di negara kita dapat diterjemahkan sebaik mungkin oleh pegawai-pegawai peringkat atasan Kementerian sehinggalah ke akar umbi. Oleh itu, kita di KEMENTERIAN perlu menyahut seruan YAB Perdana Menteri supaya memberi tumpuan kepada tujuh keutamaan iaitu perpaduan dan jati diri nasional diperkukuh; bajet 2013 dilaksanakan mengikut jadual; agenda Program Transformasi kerajaan memberi impak dan kepuasan kepada rakyat; hasil kekayaan negara diagih secara adil dan saksama; Strategi Lautan Biru Kebangsaan dilaksana sepenuhnya; Perkhidmatan cepat, tepat dan berintegriti selain pemikiran kreatif lagi inovatif, dan KPI menteri dan kementerian dicapai sepenuhnya. Berpandukan prinsip kerja CTI, iaitu Cepat, Tepat dan Integriti dan juga PKI, iaitu Produktiviti, Kreativiti and Inovasi, saya berharap kita dapat melonjakkan penyampaian perkhidmatan awam melebihi aras kelaziman.

32. Harapan saya, pada suatu masa nanti, apabila penyusunan semula KPM, JPN dan PPD terlaksana, setiap agensi perlu bertanggungjawab, berakauntabiliti dan perlu berhemah atas setiap ringgit yang dibelanjakan. Kita perlu mencontohi kejayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mereka telah mensasarkan kutipan hasil cukai sebanyak 123.82 bilion ringgit, namun dengan semangat dedikasi dan kegigihan berkhidmat untuk negara, mereka telah berjaya mengutip 124.69 bilion ringgit. Budaya kerja berprestasi tinggi ini perlu dicontohi oleh semua agensi, termasuk Kementerian Pelajaran.

33. Mudah-mudahan majlis pada hari ini menjadi titik-tolak penting dan satu lagi tanda permulaan kepada sesuatu yang lebih baik untuk hari esok. Semoga semangat bekerja sepasukan, kegigihan dan keikhlasan kita semua dalam memenuhi amanah dan tuntutan kepada agama, bangsa dan negara, akan terus diberkati Allah sepanjang hidup kita. Akhirnya, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga Kementerian Pelajaran Malaysia dan Selamat Berkhidmat Untuk Negara.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.